

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN IV - MAHKAMAH SYARIAH

Seksyen 44. Pelantikan Ketua Hakim Syarie.

- (1) Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang Ketua Hakim Syarie.
- (2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia-
- (a) seorang warganegara; dan
 - (b) selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana yang lain pula.
- (3) Orang yang, sebaik sebelum seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).
- (4) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.
-